



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Ismail Jaafar, Julaina Nopiah & Nur Zaidatul Syafiaa Mohd Zaid. (2025). Realisme magis dan budaya masyarakat Melayu Nusantara dalam novel Cinta Sang Ratu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 413-450. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.16>

**REALISME MAGIS DAN BUDAYA MASYARAKAT MELAYU
NUSANTARA DALAM NOVEL CINTA SANG RATU**

(Magical Realism and Malay Nusantara Culture in Cinta Sang Ratu)

¹Ismail Jaafar, ²Julaina Nopiah &

³Nur Zaidatul Syafiaa Mohd Zaid

^{1,2,3}Jabatan Bahasa Melayu,

Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

²Corresponding author: julainanopiah@iium.edu.my

Received: 30/5/2024 Revised: 21/10/2024 Accepted: 26/3/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Aliran realisme magis wujud dalam karya sastra yang mempunyai gabungan antara dua dunia, iaitu dunia nyata dengan dunia fantasi. Aliran ini memainkan peranan penting dalam dunia sastra kerana memperlihatkan budaya dan adat resam masyarakat di Nusantara melalui cerminan kehidupan yang digambarkan dalam karya sastra. Sehubungan itu, makalah ini berhasrat untuk mengenal pasti tiga prinsip realisme magis Wendy B. Faris (2004), iaitu *irreducible elements*, *merging realms* dan *disruption of time, space and identity* yang terdapat dalam novel *Cinta Sang Ratu* karya Ramlee Awang Murshid (2007). Selain itu, konteks budaya dan adat resam Melayu

Nusantara yang sarat dengan unsur tradisional yang terakam dalam karya ini turut dianalisis menerusi prinsip *unsettling doubts*. Analisis kandungan diupayakan untuk menganalisis karya berpacukan teori realisme magis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur magis seperti unsur sihir, kepercayaan kepada tuhan dan gangguan waktu, yang merupakan antara unsur magis utama, ditonjolkan dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Unsur magis ini memenuhi prinsip teori realisme magis yang telah dikenal pasti. Prinsip realisme magis membuktikan kewujudan gabungan antara dunia nyata dan dunia magis melalui unsur-unsur yang telah dinyatakan. Selain itu, kajian ini juga memberi impak dari sudut pemahaman budaya masyarakat Melayu dari Nusantara, khususnya menerusi kesinambungan budaya seperti aspek Jenglot dan silat antara kedua-dua negara ini yang terdapat dalam *Cinta Sang Ratu*.

Kata kunci: Realisme magis, budaya, mistik, novel.

ABSTRACT

The magical realism genre is often found in literary works that combine two worlds: the real world and the fantastical realm. This genre is significant in literature as it highlights the culture and traditions of the Malay Archipelago through the portrayal of life in literary works. This study seeks to delineate three aspects of magical realism as articulated by Wendy B. Faris (2004): irreducible elements, merging realms, and disruption of time, space, and identity, as evidenced in the Ramlee Awang Murshid's (2007) novel, Cinta Sang Ratu. The cultural context and Malay Nusantara customs, which are imbued with traditional aspects in the novel, are also examined through the lens of unsettling doubts. Content analysis is employed to examine the novel using the magical realism theory. The findings reveal that key magical elements, including witchcraft, belief in God, and temporal anomalies, are prominently included in Cinta Sang Ratu. These magical elements support the magical realism theory identified. The notion of magical realism illustrates the interplay between the actual and the magical realms through the aforementioned characteristics. This study also affects the readers' understanding of the Malay archipelago's societal culture, notably on the continuity of cultural elements such as Jenglot and silat found in the two countries discussed in Cinta Sang Ratu.

Keywords: Magical realism, culture, mystical, novel.

PENGENALAN

Sejarah kepengarangan di Malaysia berkait rapat dengan perkembangan sejarah dan gerakan yang muncul dalam kalangan masyarakat (Azhar & Abdul Ghani, 2015). Selepas kemerdekaan, gambaran terhadap bidang sastra pada ketika itu disifatkan lebih *rigid* dan mementingkan aspek fizikal. Hal ini demikian kerana pelopor sastra pada ketika itu mentaati aspek realisme dalam penulisan sastra. Namun begitu, perkembangan penulisan sastra sewaktu pascamodenisme difokuskan untuk membantah konsep realisme yang melumpuhkan kebebasan tekstual seseorang penulis sastra. Realisme ialah kaedah penulisan cerita yang bermula sejak dahulu lagi. Konsep realisme melibatkan penceritaan yang kelihatan nyata dengan mengusulkan perkara yang boleh dilihat, didengari, disentuh dan difahami. Selain itu, realisme juga mencakupi realiti watak dan peristiwa yang benar-benar boleh berlaku dalam kehidupan nyata (Tuan Rusmawati & Mawar, 2023). Shahnnon Ahmad merupakan antara pelopor sastra yang giat dalam penghasilan teks sastra antirealisme seperti novelet *Sampah 1974*. Selain beliau, muncul Anwar Ridhwan dan Othman Puteh yang juga menghasilkan karya sastra seperti cerpen yang bersifat konvensional.

Sastra merupakan medium efektif yang diupayakan untuk memperkenalkan budaya dan adat resam masyarakat (lihat Jin Beng & Jeslyn Sharnita Amarasekera, 2025; Richard Peter Bailey, 2024). Hal ini sejajar dengan fungsi karya sastra itu sendiri sebagai satu dokumentasi realiti kehidupan masyarakat, terutamanya dari segi adat, kesenian, moral, corak hidup dan kepercayaan yang menjadi amalan dalam sesebuah masyarakat (Sara, 2020). Masyarakat Melayu, terutamanya masyarakat terdahulu, mempunyai amalan-amalan khusus serta kepercayaan yang terkait dengan dunia ghaib serta mitos. Penulis mendapati terdapat pelbagai jenis pantang larang berunsur mistik dan tahyul yang diperkenalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu. Sehubungan itu, antara fungsi teks sastra adalah untuk memperkenalkan sisi ghaib kepercayaan masyarakat terdahulu untuk difahami oleh masyarakat akan datang. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat teks sastra Melayu yang memuatkan unsur mitos dan tahyul dalam menyampaikan nasihat dan kritikan secara halus kepada masyarakat (Eizah et al., 2022).

Kisah-kisah mitos diselitkan dalam karya sastra bagi mewujudkan elemen keterujaan dalam kalangan pembaca di samping menyuntik

unsur pengajaran untuk masyarakat. Hal ini menjadikan makalah ini berhasrat untuk menyelidik aspek yang menyebabkan masyarakat Melayu begitu berminat dengan unsur ghaib dan perkara-perkara tahyul. Penulis tidak menafikan bahawa jalan cerita yang mempunyai unsur magis dapat mendorong keterbukaan pembaca untuk berfikir secara kreatif dan meneroka imaginasi yang lebih kompleks. Unsur mitos dan tahyul yang diselitkan dalam karya sastra dapat dikaitkan dengan konsep realisme magis seperti yang dicadangkan oleh Faris (2004). Akhir sekali, makalah ini turut mengupas keterlibatan masyarakat Melayu sejajar dengan kepercayaan mitos dipengaruhi oleh adat resam dan budaya seperti yang digambarkan dalam karya sastra.

Makalah ini bertujuan meninjau keterbukaan Ramlee Awang Murshid dalam karya berunsurkan realisme magis, namun diselitkan dengan pengajaran dalam setiap isi kandungannya. Antara pengajaran yang terdapat dalam novel *Cinta Sang Ratu* adalah dari sudut keagamaan dan kemanusiaan. Sastra yang berkualiti membantu masyarakat belajar dan terinspirasi, selain mengembangkan idea yang berkualiti berdasarkan corak pemikiran yang terkini (Sara, 2019; lihat juga Waemasna Waeyusoh & Yusniza Yaakub, 2023). Selain itu, makalah ini juga meneroka budaya masyarakat Melayu Nusantara melalui penceritaan yang ditonjolkan dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Menurut Faris (2004; lihat juga Cowell, 2024), kadangkala, terdapat visual atau perkara magis yang datang daripada kehidupan sebenar dan membentuk plot penting dalam jalan cerita. Selain itu, bidang kajian realisme magis di Malaysia didapati masih baharu dan belum diteroka secara meluas dalam kalangan pengkaji di Malaysia. Tidak seperti apa yang berlaku di Malaysia, kajian realisme magis banyak dijalankan oleh pengkaji dari Indonesia. Hal ini turut mendorong penulis untuk melaksanakan kajian ini.

Terdapat dua fokus utama yang diteliti dalam makalah ini, iaitu (i) mengenal pasti keberadaan prinsip *irreducible elements*, *merging realms* dan *disruption of time, space and identity* yang dikemukakan dalam teori realisme magis Wendy B. Faris dalam novel *Cinta Sang Ratu* karya Ramlee Awang Murshid dan (ii) mengenal pasti keberadaan unsur kebudayaan tradisional dan adat resam masyarakat Melayu Nusantara menerusi prinsip *Unsettling Doubts* dalam novel yang sama.

PERNYATAAN MASALAH

Penulis mendapati unsur-unsur mistik dalam karya sastra seperti novel sesuai dianalisis dengan menggunakan teori realisme magis. Tumpuan makalah berpusat kepada analisis tiga prinsip teori realisme magis, iaitu yang pertama, prinsip elemen tidak dapat dijelaskan (*the irreducible elements*), kedua prinsip alam bergabung (*merging realms*) dan ketiga prinsip gangguan pada waktu, ruang dan identiti (*disruption of times, space and identity*). Fenomena *supernatural* sering berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Nusantara sehingga terdapat unsur yang diserap sebagai budaya dan adat resam masyarakat.

Seperti yang disebut sebelum ini, penulis mendapati aliran realisme magis masih belum dikaji secara meluas dan kurang popular dalam kalangan pengkaji sastra di Malaysia. Penulis mendapati dalam rata-rata kertas kajian yang dirujuk, pengkaji Indonesia diperhatikan lebih ke hadapan dalam kajian realisme magis. Di samping itu, ada kelompangan dalam kajian dari segi perkembangan data kajian serta terdapat kekurangan sumber rujukan yang berkaliber. Prinsip realisme magis kurang diperhalusi dalam kajian analisis budaya masyarakat Melayu Nusantara. Namun begitu, terdapat percampuran budaya antara masyarakat Malaysia dan Indonesia untuk diteroka secara lebih mendalam. Kepercayaan melibatkan unsur alam dan manusia juga tergolong dalam aspek budaya yang wajar ditekankan. Budaya ini penting untuk difahami dan diterjemahkan secara saintifik dalam bentuk analisis kajian. Menurut Ahmad dan Budi (2020), kajian yang melibatkan perbincangan ciri-ciri alam manusia dan alam semesta penting bagi menjelaskan aturan alam yang tidak boleh dibatasi manusia yang bertindak keterlaluan sehingga mendatangkan mudarat pada masyarakat. Oleh itu, pengkaji merumuskan kajian terdahulu mengenai realisme magis kurang memberi penekanan terhadap aspek ini.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian Berunsurkan Teori Realisme Magis

Eizah et al. (2022) melalui kajian *Aspek Realisme Magis Dalam Novel Cebisan Mantera Terakhir* mendapati prinsip realisme magis dijadikan tali untuk menganalisis amalan khurafat seperti santau

dan perdukunan dalam budaya masyarakat Melayu. Kajian mereka didapati berjaya mengenal pasti corak kebudayaan masyarakat Melayu yang melibatkan amalan khurafat yang diwarisi secara turun-temurun dan bergenerasi. Oleh sebab kajian ini mempunyai titik persamaan yang hampir sama dengan kajian yang dijalankan oleh penulis, kajian ini dilihat sesuai untuk dijadikan bahan rujukan.

Selain itu, kajian novel *Hikayat Tanah Jauh dari Perspektif Realisme Magis* yang dilaksanakan oleh Tuan Rusmawati dan Mawar (2023) turut dirujuk dalam makalah ini. Kedua-dua sarjana ini berpendapat realisme magis berkait rapat sebagai refleksi berkenaan unsur sosial dan budaya dalam masyarakat. Perkara ini terbukti berdasarkan beberapa elemen dalam dapatan kajian mereka seperti mitos dalam watak si *Pacal Tua* dalam zaman Melayu Tradisional yang dikaitkan dengan prinsip keracauan waktu dan kecelaruan identiti (*disruption of time, space, and identity*). Perbezaan antara kajian ini dengan kajian yang dijalankan oleh penulis adalah kesederhanaan dari sudut dapatan kajian. Hal ini demikian kerana kajian ini memasukkan elemen *wanita materialistik* dan *kritikan terhadap pemimpin* tetapi pada masa yang sama masih mengekalkan realisme magis sebagai tambahan rujukan utama kajian ini.

Fatimatus dan Eggy (2020) berpendapat bahawa realisme magis berperanan dalam menginterpretasikan unsur seram, ia berbentuk eksplisit serta sukar diterima akal dalam jalan cerita yang mempunyai penceritaan tradisional. Antara perkara eksplisit yang digambarkan dalam karya *Rumah Jadah* karya Royan Julian ialah kewujudan makhluk halus daripada mitos tradisional budaya orang Jawa. Selaras dengan objektif utama makalah ini, iaitu mendeskripsikan unsur magis di Tanjung Mayang, kajian ini berfokus kepada sisi masyarakat di satu latar tempat sahaja. Antara unsur magis yang terdapat dalam budaya masyarakat Jawa di Tanjung Mayang ialah *lereng Bukit Marongi*, *pesugihan pengantin* dan *Mogut penyantap mayat orang kafir*. Berbeza dengan kajian novel *Cinta Sang Ratu*, pengkaji memilih beberapa tempat yang wujud dalam karya tersebut seperti Aceh, Pulau Utara dan Kampung Punggor.

Kajian yang dijalankan oleh Asmiaty dan Roziah (2021) berkisar karya Jasni Matlani, iaitu *Kumpulan Cerpen Laron* hanya memfokuskan prinsip *merging realms* sebagai entiti penganalisan unsur mistik dalam kumpulan cerpen ini. Penelitian dilakukan terhadap tiga buah

cerpen. Asmiaty dan Roziyah (2021) mendapati bahawa terdapat tiga unsur penggabungan dunia yang berjaya diuraikan dalam hasil dapatan kajian, iaitu “penggabungan dunia realiti dan dunia serangga”, “penggabungan dunia realiti dan dunia tumbuh-tumbuhan” dan “penggabungan dunia realiti dan magis”.

Menurut Sara (2020), bagi meningkatkan sesebuah ketamadunan, gaya pemikiran masyarakat perlu ditanamkan dengan nilai-nilai murni. Corak pemikiran setiap watak dalam novel *Daerah Zeni*, karya A. Samad Said. Misalnya, sukar ditafsirkan secara tidak mendalam kerana setiap watak digambarkan mempunyai tingkat pemikiran yang cukup tinggi. Asas pemikiran yang kritikal disebabkan wujudnya unsur magis dalam karakter perwatakan yang hendak dikaji. Sebagai contoh, kajian Sara mendapati terdapat unsur perbomohan dalam karya *Daerah Zeni* melalui watak Bomoh Sakinah. Penggunaan kain kuning, *Sayid Sagap* dan *Limbung* serta penggunaan tangkal didapati mewakili unsur realisme magis dalam karya ini. Di samping itu, Sara (2020) turut mengaitkan unsur mimpi sebagai sebahagian daripada unsur realisme magis di mana mimpi dikategorikan dalam prinsip *merging realms*.

Onok et al. (2022) pula menyelidik kehidupan masyarakat Jawa yang mempunyai pertalian dengan dunia magis dalam novel *Sang Nyai 3* karya Budi Sardjono. Prinsip *the irreducible elements*, *phenomenal world* dan *disruption of time, space and identity* dipilih untuk menganalisis data kajian. Kajian mendapati amalan budaya masyarakat Jawa tidak terpisah dengan ritual di luar perbatasan pemikiran manusia dan amalan-amalan ini sesuai untuk diperjelaskan melalui prinsip *the irreducible elements*. Selain aktiviti ritual, identiti masyarakat Jawa itu sendiri dikaitkan dengan unsur mistik dan alam ghaib. Oleh yang demikian, kajian ini berupaya memperkenalkan adat dan budaya masyarakat Jawa kepada dunia melalui penulisan karya sastra.

Kajian yang dijalankan oleh Sa’adatil et al. (2021) memberi penumpuan terhadap penelitian karakteristik dan teknik sastra realisme magis dalam novel *The Ocean at the End of the Lane*, karya Neil Gaiman. Reka bentuk kajian kualitatif deskriptif digunakan melalui pendekatan pascastrukturalisme dalam proses pengumpulan data. Kajian ini menumpukan pengaplikasian prinsip realisme magis, khususnya pada karakteristik watak serta teknik sastra realisme magis dalam membentuk plot penceritaan cerita yang unik dan menarik dalam

novel. Kajian juga melampirkan contoh-contoh unsur karakter dan objek dalam novel secara khusus mewakili prinsip-prinsip realisme magis. Sebagai contoh, karakter *Hempstocks* dan *Ursula Monkton* dikategorikan dalam prinsip *the irreducible elements*.

Akhir sekali, Emi (2020) menganalisis fenomena realisme magis yang hadir dalam novel *The Time Traveler's Wife* karya Audrey Niffenegger. Emi menghubungkan realisme magis dengan pascakolonialisme dan sejarah budaya Chicago. Penulis berpeluang merujuk kaedah pengumpulan data yang berkesan yang terdapat dalam kajian Emi untuk data berunsur budaya masyarakat Melayu Nusantara dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Fokus penulis ialah prinsip *unsettling doubts*, manakala kajian Emi melibatkan kelima-lima prinsip dalam realisme magis. Hasil dapatan kajian Emi mendapati lima prinsip dalam teori realisme magis berjaya menggambarkan situasi sewaktu pascakolonialisme. Kajian turut mendedahkan penemuan sejarah budaya Chicago berdasarkan aktiviti penjelajahan masa yang mendedahkan sisi budaya masyarakat sewaktu pascakolonialisme.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif dalam kajian ini melibatkan penganalisisan data berbentuk deskriptif melalui analisis kandungan teks. Kaedah kualitatif deskriptif sesuai untuk digunakan dalam pelaksanaan kajian analisis novel kerana kaedah ini berperanan dalam menjelaskan dapatan kajian secara lebih berfokus (Maryam & Jamilah, 2020). Selain itu, kajian kualitatif disifatkan sebagai reka bentuk kajian yang bersesuaian untuk kajian dalam lingkungan sosial masyarakat. Pengaplikasian pendekatan kualitatif bertepatan dengan matlamat penulis untuk menilai unsur mistik dan mitos dalam kalangan masyarakat Melayu Nusantara (Onok et al., 2022). Hal ini demikian kerana untuk menganalisis unsur kebudayaan sesebuah masyarakat, penulis perlu mengkaji manuskrip dan teks sastra kebudayaan masyarakat. Oleh itu, penulis memilih dua kaedah pengumpulan data kajian, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks.

Proses Penganalisisan Data

Pengkaji mempraktikkan kaedah analisis deskriptif untuk menganalisis data pada bahagian dapatan kajian. Kajian ini bersifat tekstual dengan

menjalankan kaedah analisis kandungan teks daripada novel *Cinta Sang Ratu*. Data yang terkumpul adalah berdasarkan prinsip-prinsip dalam teori realisme magis daripada Faris (2004), iaitu prinsip elemen tidak dapat dijelaskan (*irreducible elements*), prinsip alam bergabung (*merging realms*) dan prinsip gangguan pada waktu, ruang dan identiti (*disruption of times, space and identity*). Seterusnya, pengkaji akan menjalankan proses pemilihan, perbandingan, penggabungan data dengan teori sehingga berjaya mendapatkan data pada akhir kajian (Milya & Asmendri, 2020). Di samping itu, dapatan kajian diperoleh daripada plot dan penceritaan dalam novel berdasarkan latar, watak perwatakan dan latar masyarakat. Penulis menumpukan latar masyarakat sewaktu proses penganalisan data selaras dengan tujuan utama kajian, iaitu menganalisis kebudayaan masyarakat Melayu di Nusantara. Setelah penelitian dijalankan terhadap data terkumpul daripada novel *Cinta Sang Ratu*, penulis menggunakan pendekatan deduktif bagi menguji kesahan teori realisme magis data yang terkumpul.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian yang diperoleh adalah berdasarkan data terkumpul daripada reka bentuk kualitatif melalui kaedah analisis kandungan teks. Data diperoleh daripada instrumen kajian, iaitu novel *Cinta Sang Ratu*. Selanjutnya, penulis mengkategorikan data yang berjaya dikumpulkan berdasarkan prinsip-prinsip dalam teori realisme magis.

Prinsip Elemen Tidak Boleh Dijelaskan (*Irreducible Elements*)

“Unsur tidak boleh dijelaskan” merujuk aspek cerita yang menentang logik konvensional dan tidak boleh dijelaskan oleh undang-undang semula jadi dunia kita. Unsur-unsur ini diterima sebagai sebahagian daripada realiti naratif tanpa persoalan atau keperluan untuk justifikasi. Dapatan kajian menunjukkan unsur magis dan ghaib melibatkan kelompok perwatakan dalam novel *Cinta Sang Ratu* seperti Maharani, Laksamana Sunan Bahadur dan banyak lagi. Unsur magis yang dimiliki oleh setiap karakter dalam perwatakan disebutkan sebelum ini mempunyai kebolehan luar biasa yang tidak dimiliki oleh manusia normal. Kelebihan yang dimiliki disifatkan sebagai janggal dan pelik dalam kalangan masyarakat yang rasional. Berikut merupakan data yang berjaya dikumpulkan:

Data 1

Anak panah yang terpacak di dada salah seorang tenteranya yang sudah tidak bernyawa tiba-tiba tercabut seperti ada kuasa yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, anak panah itu terbang laju dan singgah di belakang Laksamana Sunan sebelum sempat lelaki itu mengelak.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm.19)

Berdasarkan data 1, Ratu Sulaman menggunakan sihir untuk menggerakkan anak panah ke arah Laksamana Sunan. Pada ketika itu, berlaku pertempuran antara tentera dari Pulau Utara diketuai oleh Ratu Sulaman untuk memerangi Laksamana Sunan. Ratu Sulaman serta para pengikutnya memerangi Laksamana Sunan yang berusaha memerangi kebatilan dan kejahatan sihir Maharani Pulau Utara. Anak panah yang diluncurkan oleh Ratu Sulaman berperanan sebagai simbolik magis yang luar daripada batasan normal. Hal ini demikian kerana, secara logik, bagi meluncurkan anak panah ke sasaran, kita perlu menggunakan busur panah. Namun begitu, anak panah diluncurkan oleh Ratu Sulaman digerakkan melalui kuasa magis. Ramlee Awang Murshid (2007) memperlihatkan penggunaan anak panah sebagai objek magis dalam jalan cerita *Cinta Sang Ratu*. Dengan erti kata lain, pengkaji ingin menggambarkan segala unsur tidak nyata yang wujud alam dunia nyata boleh dikategorikan sebagai perkara magis.

Data 2

Orang tua yang dipanggil Bahadur ~ pewaris keturunan Manggala yang dipercayai berusia lebih 100 tahun. Namun, fizikalnya masih kelihatan tegap dan sasa. Dia adalah pahlawan agung keturunan Manggala bersesuaian dengan namanya. Bahadur dalam bahasa tempatan bermaksud pahlawan yang gagah berani.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 322)

Seterusnya, kita beralih kepada petikan yang dikemukakan dalam data 3. Bahadur merupakan pewaris daripada keturunan Manggala yang mampu hidup sehingga 100 tahun. Walaupun umurnya melebihi

seabad, Bahadur tidak kelihatan seperti orang tua pada umumnya. Fizikalnya masih gagah dan tegap serta tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan. Amalan sihir yang telah menjadi amalan hidupnya membantu Bahadur kekal muda bertenaga. Keadaan Bahadur dipersetujui oleh pengkaji sebagai suatu perkara yang magis. Manusia normal boleh mencecah umur melebihi 100 tahun tetapi, manusia tersebut tidak akan digambarkan seperti mana Ramlee Awang Murshid (2007) menggambarkan keadaan fizikal yang dimiliki oleh Bahadur. Tiada bukti saintifik yang dapat membuktikan kebenaran keadaan manusia seperti Bahadur dalam dunia nyata.

Penulis memutuskan bahawa data 5 sesuai dikategorikan di bawah prinsip elemen yang tidak dapat dijelaskan berdasarkan keadaan fizikal Bahadur yang tidak tua. Keadaan Bahadur yang kekal muda merupakan contoh bentuk fantasi yang pengarang karya ini cuba realisasikan. Selaras dengan matlamat utama realisme magis dalam menghapuskan keanehan daripada unsur fantasi dan *supernatural* yang telah diterapkan dalam gaya hidup watak-watak dalam plot penceritaan (Rusmawati & Mawar, 2023). Oleh sebab itu, pembaca tidak akan berasa pelik dengan kejanggalan yang ditonjolkan dalam cerita kerana mereka sedar genre novel yang dibaca ialah genre fantasi dan bakal mempunyai unsur magis yang jelas.

Data 3

“Insya-Allah... kita akan menang, Sadik. Bertawakallah.”
Saifudin menepuk-nepuk bahu sahabatnya.

“Kemenangan tidak akan menjamin sama ada kita akan terus hidup, Sadik.”
Katiswara lebih gemar berterus terang, membuatkan Sadik menarik nafas panjang.

“Mati dalam peperangan menentang musuh-musuh ALLAH adalah syahid dan ia dijamin Syurga, Sadik.” Saifudin mengukir senyuman manis.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 296)

Seterusnya, berdasarkan pengamatan daripada petikan data 4, Saifudin dan Katiswara cuba memberikan semangat untuk Sadik

tidak berputus asa dalam peperangan menentang kebatilan. Di sini, Saifudin menyatakan syahid ketika memerangi musuh-musuh Allah SWT akan dijamin syurga. Berikutan pernyataan itu, penulis mendapati keutamaan perlu diberikan kepada kepercayaan masyarakat terhadap perkara-perkara ghaib berunsurkan kerohanian. Kutipan data 2 dan 3 mengaitkan perbuatan beribadah seperti berzikir adalah sebahagian daripada simbolik kepercayaan terhadap Allah SWT. Data 6 memaparkan kepercayaan Saifudin terhadap syurga yang juga dikategorikan dalam perkara Sam'iyat. Al-Quran dan Hadis merupakan rujukan tepat untuk perbincangan mengenai perkara Sam'iyat.

Balasan syurga dikurniakan untuk para mukmin yang berjihad pada jalan Allah seperti yang disebutkan oleh watak Saifudin pada petikan di data 4. Di syurga, individu yang diberi balasan syurga menerima tahap ganjaran yang berbeza berdasarkan kelakuan semasa mereka hidup. Mereka berasa bahagia dan reda kerana berada pada peringkat syurga yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk mereka (Mohd Manawi, 2012). Oleh yang demikian, penulis cuba mengaitkan kepercayaan kepada syurga sebagai sebahagian daripada elemen yang tidak dapat dijelaskan kerana perkara Sam'iyat tidak dapat dilihat dengan pancaindera dan digambarkan dengan akal logik manusia serta hanya perlu dipercayai tanpa dipersoalkan.

Prinsip Alam Bergabung (*Merging Realms*)

Prinsip “Menggabungkan Alam” dalam realisme ajaib merujuk penyepaduan unsur-unsur ajaib ke dalam dunia nyata, mewujudkan naratif di mana sempadan antara kedua-duanya cair dan tidak dapat dibezakan.

Pada bahagian ini, pengkaji mengumpulkan data bertepatan dengan prinsip alam bergabung (*merging realms*) daripada novel *Cinta Sang Ratu*. Prinsip ini melibatkan kerancuan dua alam berbeza dalam satu plot khusus yang wajar didebatkan. Penulis meneliti beberapa contoh yang relevan sebagai data pada bahagian ini.

Data 4

Di satu sudut, dia meletakkan uncang lusuh yang berisi tahi besi itu. Kemudian dia melakukan pemujaan.

Memanggil nama Taghut berulang-ulang kali diselangi dengan jampi serapah.

Maharani menumpahkan tahi besi itu di atas hamparan dulang emas. Sebilah pisau bertatahkan berlian dicapai lalu dia melukakan tapak tangannya sendiri. Kemudian darah dititiskan di atas tahi besi itu sambil melanjutkan mantera sihir.

(Cinta Sang Ratu, hlm. 249)

Data 5 memperlihatkan proses pemujaan Taghut oleh Maharani Pulau Utara. Maharani menjalankan aktiviti pemujaan untuk menyihir jiwa Ratna supaya kembali menjadi Ratu Sulaman. Penggunaan tahi besi sebagai bahan utama bagi melengkapkan ritual pemujaan Taghut. Selain tahi besi, petikan di atas menunjukkan penggunaan darah sebagai pelengkap ritual sihir. Darah dititiskan ke atas tahi besi lalu mantera dibacakan oleh Maharani untuk menyeru jin-jin kafir. Ritual pemujaan Taghut melibatkan dua alam yang digabungkan kerana wujud gabungan antara alam nyata dan alam ghaib. Penglibatan alam nyata dapat dilihat melalui penyediaan bahan-bahan ritual seperti tahi besi, darah, dulang emas, dan pisau bertatahkan berlian, yang berasal daripada dunia realiti. Sementara itu, penggunaan mantera untuk menyeru Taghut mencerminkan keterlibatan alam ghaib atau dunia jin. Jelas bahawa bukti-bukti yang dikemukakan daripada petikan di atas menunjukkan wujud penggabungan antara dua alam, iaitu alam ghaib dengan alam nyata.

Data 5

Di samping itu, jin-jin kafir diperintah oleh Maharani agar merasuk otak Ratu Sulaman, menyebabkan timbul rasa tidak tenteram, gelisah dan benci membenci. Tahi besi digunakan untuk tujuan jahat ini kerana ia diperoleh daripada bahan besi yang dibakar.

(Cinta Sang Ratu, hlm. 330)

Aktiviti sihir dijalankan oleh Maharani tidak hanya terhenti pada pemujaan Taghut yang bersifat individualistik, tetapi turut

menyasarkan individu lain. Berdasarkan petikan data 8, Maharani masih menggunakan tahi daripada bahan bakaran besi bertujuan menyihir Ratu Sulaman. Jin-jin kafir diseru untuk merasuki Ratu Sulaman supaya beliau hilang jati diri asalnya. Maharani masih menggunakan tahi besi sebagai alat utama untuk tujuan jahatnya menyihir Ratu Sulaman. Perbuatan Maharani menyerupai perbuatan santau pada umumnya tetapi tidak disebutkan oleh Ramlee Awang Murshid secara spesifik. Menurut Mohd Nizam dan Shuhairimi (2013), santau dikirim oleh tukang sihir yang berhasrat menyakiti orang lain dengan sengaja kerana rasa amarah, cemburu atau ingin berbuat jahat. Komponen utama sihir seperti tahi besi diperoleh dari alam nyata. Di samping itu, penyempurnaan ritual sihir melibatkan bantuan jin-jin kafir yang diseru daripada alam ghaib. Maka, perbuatan sihir yang dijalankan oleh Maharani menunjukkan kewujudan penggabungan antara dua alam yang berbeza.

Data 6

“Ibu percaya... kesaktian yang jahat telah merubah anak ibu. Kejahatan yang datang menyerupai ribut dan pusaran laut. Ia tempias dari nafas neraka dunia yang bersemayam di dasar laut Pulau Utara.” Ibu tua itu mengesat air mata yang tumpah.

“Lalu... Ergi bertukar menjadi... seekor duyung.”

“Bertukar menjadi seekor duyung?”

Tiba-tiba Saifudin teringat seekor duyung yang telah menyerang mereka semasa memulakan pelayaran dari Aceh tempoh hari.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 318)

Seterusnya, prinsip *merging realms* tidak hanya melibatkan penggabungan dunia realiti dan jin, tetapi turut melibatkan dunia fantasi dan dongeng. Petikan dialog daripada data 9 menunjukkan perbualan antara Saifudin dan ibu tua berkenaan anaknya yang telah disumpah menjadi duyung. Si ibu percaya bahawa terdapat kesaktian yang telah mengubah Ergi menjadi seekor duyung setelah beliau menyumpah anaknya yang telah derhaka padanya. Setelah kata sumpah dilafazkan, berlaku ribut dari dasar laut Pulau Utara yang telah meragut Ergi ke dasar lautan. Kisah dongeng duyung merupakan

antara cerita rakyat yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu Nusantara. Penulis mendapati wujud penggabungan antara dua realiti dan dunia ikan. Referensi bagi dunia ikan direpresentasikan oleh watak Ergi yang disumpah menjadi duyung kini hidup di lautan dan tidak lagi menjadi sebahagian daripada dunia nyata. Pertembungan antara dua dunia yang berbeza berlaku ketika Saifudin diserang sekumpulan duyung ketika pelayarannya ke Pulau Utara.

Data 7

Kerana takut diancam maut, Rajikin bersetuju melakukan apa jua pekerjaan yang disuruh. Bahadur meminta dia mencari perawan-perawan suci untuk dikorbankan bagi menghidupkan semula baka terawal Manggala.

(Cinta Sang Ratu, hlm. 323)

Seterusnya, petikan data 10 menunjukkan syarat utama penghidupan semula baka awal Manggala. Keturunan Manggala diwajibkan untuk mengorbankan 100 orang perawan suci sebagai pelengkap ritual pemujaan. Dengan itu, Rajikin diperintahkan oleh Bahadur untuk mencari gadis-gadis perawan dan dibawa ke kampung Manggala. Oleh sebab takut akan ancaman bunuh daripada Bahadur, Rajikin menuruti perintahnya. Baka awal Manggala merupakan contoh berhala untuk kegiatan penyembahan. Kewujudan ritual yang memerlukan korban manusia menjadi simbolik aktiviti penyembahan berhala untuk mencapai tujuan tertentu (Rasyad et al., 2017). Penggabungan dua alam berbeza dilibatkan dalam satu ritual penyembahan. Aktiviti penyembahan baka awal Manggala yang menjadi contoh pada data 10 melibatkan penggabungan antara alam nyata dan alam ghaib. Kewujudan elemen penggabungan alam dapat dikesan melalui penglibatan perawan-perawan suci sebagai korban. Para korban dijadikan medium perantara antara dunia nyata dan ghaib sewaktu proses membangunkan semula baka awal Manggala. Ritual pemujaan bakal awal Manggala dijalankan untuk menyeru jin kafir daripada alam ghaib. Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa selain objek, manusia juga boleh dijadikan komponen dalam aktiviti pemujaan yang melibatkan penggabungan dua alam.

Data 8

“Dari mana kamu mempelajari ilmu persilatan yang hebat itu... ah?!” Sergah Bahadur.

“Laksamana Sunan,” balas Haryani.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 346)

Petikan di atas menunjukkan dialog antara Haryani dan Bahadur. Bahadur mempersoalkan kehebatan Haryani dalam ilmu persilatan setelah beliau berjaya menumpaskan sejumlah besar pengikut Bahadur yang diarah untuk membunuh Haryani. Oleh itu, Haryani menyatakan bahawa beliau mempelajari ilmu persilatan daripada Laksamana Sunan sendiri. Pengkaji mendapati wujud penggabungan dua alam berbeza daripada dialog pada data 11. Konsep alam bergabung teretus berdasarkan asal usul Laksamana Sunan daripada penghujung kurun ke-15, manakala Haryani dan Bahadur hidup pada abad ke-21. Haryani merentasi masa ke penghujung kurun ke-15 dan menuntut ilmu persilatan daripada Laksamana Sunan. Kejadian Haryani merentas masa ke penghujung kurun ke-15 adalah atas faktor kemalangan yang dihadapinya sehingga beliau koma dan rohnya kembali ke masa lalu. Pengkaji berpendapat bahawa zaman penghujung kurun ke-15 merupakan alam baharu yang dibentuk kesan daripada aktiviti merentasi masa. Hal ini berpanduan status Haryani sebagai watak yang ditumpukan pada plot tersebut, iaitu dia berasal dari dunia abad ke-21 merentas ke zaman penghujung kurun ke-15 yang asing dari dunia asalnya. Oleh itu, pengkaji mendapati dua latar zaman berbeza melalui aktiviti merentas masa boleh dikategorikan sebagai penggabungan dua alam berbeza.

Prinsip Gangguan Waktu, Ruang, dan Identiti (*Disruption of Time, Space, and Identity*)

Prinsip “gangguan waktu” dalam realisme magis merujuk cara masa digambarkan sebagai goyah, dan tidak linear, sering menentang susunan kronologi konvensional. Elemen ini membolehkan struktur naratif yang lebih fleksibel dan dinamik. Acara tidak mengikut susunan kronologi yang ketat. Naratif mungkin melompat antara masa lalu, masa kini dan masa depan, mewujudkan permaidani detik-detik yang saling berkaitan.

Prinsip “gangguan ruang” merujuk sempadan antara ruang yang sering kabur lalu mewujudkan rasa kecairan dan kesalinghubungan. Watak boleh bergerak dengan lancar antara alam atau lokasi yang berbeza. Manakala, “gangguan identiti” pula merujuk pemecahan, transformasi atau kecairan rasa diri watak dalam naratif. Konsep ini sering diterokai dalam kesusasteraan untuk mencerminkan kerumitan identiti peribadi dan budaya.

Pada bahagian ini, penulis mengulas prinsip gangguan waktu, ruang dan identiti (*disruption of time, space and identity*) berdasarkan data yang dikumpulkan daripada novel *Cinta Sang Ratu*. Penulis berpendapat bahawa terdapat unsur gangguan dari segi gangguan ruang mimpi, gangguan pertindihan waktu serta pertukaran identiti yang wajar dibincangkan secara kritis. Berikut merupakan data yang berjaya diekstrak daripada instrumen kajian:

Data 9

“Di sempadan antara Medan dan Aceh... terdapat sebuah perkampungan yang cukup aneh dan agak terpencil. Di situ... kata orang... penganutnya menganuti amalan khurafat. Mereka bukan sembarangan manusia. Tiap kali bulan purnama... mereka bisa bertukar diri menjadi serigala,” cerita Pak Mustakim.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 143)

Masyarakat Nusantara sering mendakwa bulan purnama sebagai waktu untuk menjalankan aktiviti pemujaan. Petikan daripada data 10 menceritakan mengenai sebuah perkampungan bernama Manggala yang terletak bersempadan antara Medan dan Aceh. Manggala ialah sebuah perkampungan yang didiami oleh sekumpulan masyarakat yang terlibat dalam amalan khurafat. Mereka mengamalkan ilmu untuk menukarkan diri menjadi serigala jadian. Kejanggalaan masyarakat Manggala menyebabkan mereka ini tidak bercampur dengan masyarakat dari luar dan hidup dalam keadaan terpencil. Prinsip gangguan waktu dapat dibincangkan berdasarkan petikan ini apabila Pak Mustakim menyebut masyarakat Manggala akan bertukar menjadi serigala jadian apabila tiba malam bulan purnama. Kesimpulannya, penulis merumuskan bahawa aktiviti pemujaan sering dijalankan pada malam bulan purnama atau bulan mengambang kerana masyarakat mempercayai kuasa magis menjadi lebih ampuh pada ketika itu

Data 10

“*Kapan* upacara itu berlangsung, pak?” Kedengaran suara Rajikin bertanya.

“Bila bulan mengambang. Perawan itu korban ke 100. Kematianannya akan mampu menghidupkan semula Manggala.”

Suara garau lelaki itu meremangkan bulu roma.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 302)

Lanjutan daripada perbincangan di data 10, penulis turut mendapati bahawa data 11 juga mengaitkan bulan mengambang dengan aktiviti pemujaan. Data 11 menunjukkan dialog antara Rajikin dan Bahadur berkenaan masa yang bersesuaian untuk melangsungkan upacara menghidupkan semua baka awal Manggala. Bahadur menyatakan bahawa malam bulan mengambang merupakan waktu yang paling bersesuaian untuk mengadakan acara tersebut. Pemujaan yang mengandungi unsur-unsur bacaan mantera perlu dijalankan pada waktu tertentu bagi menjamin keberkesanannya (Eizah et al., 2022). Pendapat ini disokong melalui pengamatan Hani (2021) terhadap beberapa siri waktu efektif bagi masyarakat Melayu Nusantara menjalankan pemujaan. Malam bulan mengambang disifatkan paling sesuai kerana pada ketika itu, jin dan syaitan mempunyai kekuatan yang luar biasa. Selain itu, pada ketika itu juga, waktu malam digambarkan sangat cerah dan angin pada ketika itu tidak terlalu kencang. Penulis dapat menyimpulkan bahawa berlaku gangguan kronologi dalam plot penceritaan yang mengaitkan waktu malam bulan mengambang yang sepatutnya menjadi satu unsur normal yang dikaitkan dengan unsur magis.

Data 11

“Tapi Sunan telah menghabisi nyawanya.” Sadik meningkah.

“Tidak. Sebenarnya... kita menghantarnya semula ke *jamannya*. Ke *jaman* haryani.” Saifudin mengukir senyuman yang disengajakan.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 398)

Selain daripada penetapan terhadap waktu-waktu spesifik yang bersifat magis, prinsip gangguan waktu juga melibatkan aktiviti merentas masa. Emi (2020) berpendapat gangguan pada ruang waktu meninggalkan impak terhadap watak dalam novel dalam mengenal pasti entiti yang terlibat dalam aktiviti merentas masa. Gangguan waktu daripada aktiviti merentas masa berbeza dengan prinsip penggabungan alam dari segi konsep. Konsep bagi gangguan waktu melibatkan kesedaran bagi watak utama bahawa wujud aktiviti merentas masa sewaktu plot cerita sedang berlaku. Sebagai contoh, dapatan daripada data 12 menunjukkan Sadik yang keliru akan kejadian Laksamana Sunan membunuh Senggara. Namun begitu, Laksamana Sunan menerangkan bahawa dia tidak membunuh Senggara, sebaliknya, beliau telah menghantar kembali Senggara ke dunia asalnya, iaitu zaman Haryani. Indikasi terhadap zaman Haryani membawa maksud zaman abad ke-21. Laksamana Sunan dan Sadik hidup pada zaman penghujung kurun ke-15. Senggara merupakan seorang lelaki dari abad ke-21 yang terperangkap pada zaman Laksamana Sunan dan jiwanya dihibahkan oleh sihir yang dikenakan oleh Maharani Pulau Utara. Oleh itu, penulis merumuskan gangguan kronologi berlaku ke atas Senggara yang pada asalnya berada pada penghujung kurun ke-15, kemudian dihantar semula pulang ke zaman asalnya pada abad ke-21.

Data 12

Sejurus, Saliha bertindak di luar dugaan lagi. Melompat dari satu tempat ke tempat lain. Pergerakannya sederas angin, sekencang ribut, mengelak dari semburan dan patukan kumpulan ular berbisa yang merayap bertindih-tindih di atas tanah.

(Cinta Sang Ratu, hlm. 171)

Ruang mimpi merupakan antara fenomena gangguan ruang yang dihadapi oleh watak dalam novel sehingga mereka merasai pengalaman magis. Hal ini dapat diperhatikan daripada data 16 di mana Saliha mempunyai kebolehan magis ketika berada di ruang mimpi. Saliha mengalami mimpi yang membawanya ke sebuah dunia misteri dan berkebolehan seperti mempunyai kepantasan yang luar biasa serta dapat menepis ular-ular berbisa. Di ruang itu juga, Saliha bertemu dengan Dani yang terikat di sebuah pohon berduri. Ajaibnya, Dani yang wujud dalam ruang mimpi tersebut mempunyai karakteristik yang berbeza berbanding dengan Dani yang dikenalnya di alam nyata. Dalam keadaan yang cedera dan lemah, Dani seolah-

olah meminta pertolongan Saliha untuk membebaskannya daripada ruang mimpi tersebut.

Pada ketika itu juga, Saliha mengalami kekeliruan untuk membezakan antara ruang realiti dan fantasi. Gangguan ruang realiti berlaku disebabkan adanya ruang mimpi yang mewujudkan persona baharu yang juga diadaptasi daripada minda separa sedar (Eizah et al., 2022). Mengikut logik yang cuba disampaikan oleh Ramlee Awang Murshid, mimpi Saliha merupakan petunjuk bahawa Saliha mewarisi keturunan Manggala dan beliau berupaya berkomunikasi dengan roh Dani yang terikat dalam ruang baharu yang masih kekal misteri. Oleh itu, penulis merumuskan persekitaran di ruang realiti memainkan peranan penting untuk pembentukan ruang fantasi baharu dalam mimpi seseorang individu.

Data 13

“Rupa-rupanya warisan itu *nggak* berakhir.”
Suara Pak Mustakim kedengaran seakan berbisik.

“Bukankah itu mimpi Saliha *aja, sih*,” tingkah Saliha.

“*Babe* khuatir kamu telah dirasuk warisan dari Manggala, Saliha.”

Tanpa berfikir panjang, Pak Mustakim melibatkan Dani dalam kancah penceritaan itu.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 172)

Dalam pada itu, gangguan ruang berlaku dan dapat dipastikan kejadiannya setelah terdapat watak lain mengesahkan perkara tersebut. Sebagai contoh, data 17 memaparkan perbualan antara Pak Mustakim dan Saliha berkenaan mimpi yang dialaminya. Pak Mustakim berpendapat bahawa mimpi yang dialami oleh Saliha berkemungkinan disebabkan oleh warisan dari Manggala yang wujud dalam leluhur keturunan mereka. Keturunan Pak Mustakim yang berasal dari tanah Manggala terlibat dengan warisan serigala jadian dan turut melibatkan Saliha yang juga mempunyai darah keturunan warisan Manggala. Beliau berasa susah hati setelah melihat anaknya kerasukan semangat daripada warisan Manggala.

Berdasarkan kenyataan Pak Mustakim bahawa, Saliha berkemungkinan dirasuk oleh warisan Manggala. Perkara ini mengukuhkan lagi fakta

yang diperoleh oleh penulis bahawa wujud entiti asing yang memberi kesan kepada ruang realiti sehingga muncul ruang baharu bersifat tidak nyata. Kejadian kerasukan Saliha disebabkan gangguan dalam ruang di antara dunia realiti dengan dunia fantasi. Oleh sebab kejadian tersebut berlaku dalam ruang realiti, Saliha tidak dapat membezakan dunia yang dilaluinya kerana terperangkap di ruang mimpi.

Data 14

Pandangannya bertukar-tukar. Sekejap nyata. Sebentar lagi diselangi warna hitam dan putih. Sehingga satu saat, Maharani terkaku. Mata terbeliak dan memaparkan gambaran sebuah bahtera berlayar merentasi lautan. Pandangannya menerawang dari angkasa seperti mata seekor burung.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 298)

Seterusnya, data 15 menunjukkan situasi Maharani dengan kesaktiannya mampu menempatkan rohnya dalam kaca seekor burung. Beliau merasakan jiwanya terbang dan dapat melihat bahtera dinaiki Laksamana Sunan berlayar di lautan. Bahtera dinaiki Laksamana Sunan serta pengikutnya dalam perjalanan menuju ke Pulau Utara untuk menyelamatkan Ratu Sulaman daripada cengkaman Maharani. Maharani menciptakan satu ruang baharu seolah-olah ruang tersebut sesuatu yang nyata. Secara tidak langsung, Maharani berupaya memantau situasi musuhnya luar dari Pulau Utara. Antara petanda gangguan pada ruang adalah berlakunya gangguan pada ruang medan penglihatan dan individu yang mengalami fenomena tersebut seperti berada di ruang mimpi.

Data 15

“Siapkan topeng yang telah dijampi. Beta akan tutup mukanya untuk membutakan kebaikan pada mata dan hatinya. Orang ini akan beta jadikan suruhan!” titah Maharani.

“Orang ini beta gelar... Senggara!” lanjut Maharani.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 395)

Data 16 memaparkan situasi gangguan identiti watak dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Gangguan pada ruang identiti berlaku apabila

watak mempunyai identiti baharu sama ada sengaja atau tidak sengaja dibentuk sebagai identiti yang lebih kompleks. Seperti contoh daripada dialog pada data 20, Senggara merupakan seorang lelaki yang hati dan jiwanya dihijabkan daripada perkara kebaikan dengan jampi sihir oleh Maharani. Maharani memakaikan topeng yang dijampi dengan kalimat sihir untuk mengunci hati serta membutakan mata lelaki tersebut supaya menjadi hamba suruhannya dalam misi memerangi Laksamana Sunan. Lelaki tersebut merupakan Dani yang mengembara dari abad ke-21 ke zaman penghujung kurun ke-17.

Beliau terlibat dalam bencana tsunami di Aceh ketika beliau berada di sana untuk menjejaki sejarah Laksamana Sunan dan keris Nanggroe. Beliau ditemui terdampar di pantai Pulau Utara oleh tentera Maharani sebelum dibawa ke Istana Pulau Utara. Dalam pada itu, tubuh Dani pada abad ke-21 hilang ingatan dan berperwatakan seperti individu yang tidak waras. Oleh itu, penulis merumuskan gangguan identiti yang dihadapi oleh Dani disebabkan ilmu sihir dan di luar kawalannya. Hal ini demikian kerana, gangguan identiti juga boleh berlaku atas pilihan watak itu sendiri.

Data 16

“*Kakang* bilang dulu Ananta sudah mati dan aku percaya. Yang kita akan hadapi nanti adalah Maharani, bukan Ananta.”

Lancang mulut sadik berkata-kata.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 439)

Petikan dialog daripada data 17 menunjukkan situasi di mana Sadik yang melampiaskan rasa tidak puas hatinya terhadap Katiswara. Beliau mengungkit semula kenyataan daripada Katiswara bahawa Ananta sudah meninggal dunia dan tidak wujud lagi di dunia nyata. Hakikatnya, Ananta masih hidup dan menukar identitinya kepada Maharani Pulau Utara. Ketamakan pada kekuasaan dunia menyebabkan Ananta dikaburi nafsu lalu tunduk pada kekuasaan Taghut dan bertindak mensyirikkan Allah SWT. Katiswara menggambarkan sifat Ananta sebagai seorang Muslim yang taat serta mahir dalam ilmu persilatan. Namun segala-galanya berubah setelah Ananta termakan tipu daya Taghut. Penulis mendapati terdapat gangguan identiti pada watak Ananta yang disebutkan dalam petikan dialog di atas. Peralihan identiti Ananta kepada Maharani merupakan pilihan beliau tanpa campur tangan pihak ketiga. Namun begitu, Ramlee Awang Murshid

menggambarkan ilmu sihir yang dituntut oleh Ananta menyebabkan hatinya dikaburi kebatilan sehingga tersasar jauh dari jalan kebenaran.

Prinsip *Unsettling Doubts* Yang Terdapat Dalam Novel *Cinta Sang Ratu*

“Keraguan yang Tidak Meresahkan” dalam realisme ajaib merujuk kepada ketidakpastian berterusan pembaca tentang apa yang sebenar dan apa yang ajaib dalam cerita. Elemen ini mewujudkan rasa kekaburan dan mencabar persepsi pembaca tentang realiti. Persepsi pembaca mengenai realiti turut tercabar menyebabkan pembaca dibiarkan dengan persoalan sama ada kejadian ajaib benar-benar berlaku atau sebaliknya.

Pada bahagian ini, penulis mempersembahkan data yang menunjukkan kejanggalan dalam karya novel melalui representasi budaya yang menimbulkan persoalan terhadap pembaca. Penulis menganalisis ketepatan unsur budaya masyarakat Melayu Nusantara yang digambarkan oleh Ramlee Awang Murshid dalam novel *Cinta Sang Ratu* dengan realiti budaya di dunia realiti. Berikut merupakan dapatan yang berjaya diperoleh untuk bahagian ini:

Data 17

“Jenglot?” Rajikin bertanya.

“Baka awal Manggala. Namanya adalah Manggala,” kata Bahadur.

“Ya... Tapi *keliatannya* seperti Jenglot, Pak. Cuma... agak besar seperti kita-kita ini.” Rajikin membetulkan tanggapan aneh Bahadur apabila dia menyebut perkataan Jenglot itu tadi.

“Jenglot itu kan... makhluk mistik yang dipercayai bukan benda mati.”
Rajikin membela diri.

“Ya! Baka ini tidak akan mati. Ia hidup walaupun *keliatan* seperti mati. Korban terakhir itu akan membangkitkan semua Manggala!”
Dengan penuh semangat Bahadur separuh melaung.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 324)

Petikan dialog daripada data 18 merupakan perbualan antara Bahadur dan Rajikin berkenaan Jenglot dan Manggala. Pertama kali melihat baka awal Manggala, Rajikin berasa tidak asing kerana Manggala mempunyai persamaan dengan Jenglot. Bezanya, Jenglot mempunyai saiz yang lebih kecil manakala saiz Manggala seperti manusia pada umumnya. Bahadur membetulkan persepsi Rajikin dan menegaskan bahawa susuk yang berada di hadapan mereka ialah baka awal Manggala yang bakal dihidupkan melalui ritual pengorbanan 100 orang gadis perawan. Di samping itu, Bahadur turut percaya bahawa baka awal ini tidak mati dan hanya menunggu masa untuk dihidupkan semula. Oleh yang demikian, warga Manggala memerlukan korban gadis perawan terakhir, iaitu Haryani untuk melengkapkan ritual mereka. Kepercayaan terhadap makhluk mistik seperti Jenglot menjadi tradisi sebilangan masyarakat Nusantara yang masih mengamalkan ilmu hitam.

Jenglot ialah makhluk yang mempunyai sosok tubuh seperti manusia, iaitu mempunyai kepala, tangan serta kaki kecuali wajah dan kulitnya yang aneh serta menyeramkan seperti makhluk halus. Ciri-ciri fizikal Jenglot terletak pada saiznya yang kecil, mempunyai rambut panjang dan bertaring, serta kuku yang lebih panjang daripada saiznya yang sebesar telapak tangan (Berita Harian, 2015). Jenglot digunakan sebagai bahagian daripada ritual pemujaan kerana individu yang memiliki Jenglot menganggap Jenglot sebagai objek istimewa yang dapat membawa tuah atau dikurniakan kekuatan yang luar biasa (Noridayu et al., 2017). Latar tempat yang ditumpukan oleh penulis pada dialog ini ialah kampung Manggala yang bersempadan dengan Aceh dan Medan Indonesia. Kepercayaan terhadap Jenglot berasal dari Jawa dan tersebar ke serata Indonesia sehingga ke Malaysia. Oleh itu, penulis mendapati bahawa Jenglot tidak hanya dikenali di Indonesia, tetapi juga di Malaysia.

Data 18

“Mereka memburu dan membunuh manusia.” Pak Mustakim menoktahkan ceritanya.

“Lalu bagaimana *sih*?”

“Itu saja aku dengar. Benar atau tidak... ya... *nggak* tahu *sih*.”
Pak Mustakim tersenyum-senyum sendiri.

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 143)

Data 19 menunjukkan petikan dialog antara Pak Mustakim dan anaknya Saliha. Pak Mustakim menceritakan kisah mitos berkenaan sebuah perkampungan yang didiami oleh sekumpulan manusia disumpah menjadi serigala jadian. Keturunan mereka disumpah menjadi serigala jadian oleh sebab mereka terlibat dengan ilmu yang salah dan khurafat. Oleh itu, masyarakat yang tinggal di perkampungan Manggala terkena jangkitan warisan yang membolehkan mereka menjadi serigala jadian biarpun sumpahan itu berlaku ratusan tahun yang lalu. Maka dengan itu, penduduk kampung Manggala tidak bercampur dengan masyarakat luar dan mereka juga hidup untuk memburu dan membunuh manusia untuk mendapatkan darah. Unsur elemen yang tidak dapat diragui berlaku setelah Saliha mempersoalkan kembali kesahihan cerita yang disampaikan oleh Pak Mustakim. Bahkan, Pak Mustakim sendiri tidak dapat membuktikan kesahihan cerita tersebut kerana beliau sendiri mengetahui cerita tersebut daripada cerita-cerita orang. Oleh itu kesahihan cerita mengenai serigala jadian tersebut tidak dapat dibuktikan kesahihannya.

Mitos serigala jadian melibatkan kemampuan manusia untuk berubah secara fizikal menjadi serigala (Douglas, 1992). Malam bulan purnama sering digembar-gemburkan sebagai waktu manusia serigala ini bertukar setelah terdedah kepada sinar bulan. Serigala jadian merupakan makhluk mitologi yang berasal dari Barat. Masyarakat di Nusantara, secara umumnya, kurang mengetahui makhluk seperti serigala jadian dalam kisah-kisah mitos dan legenda. Oleh itu, penulis mendapati terdapat perselisihan fakta dari sudut asal-usul mitos serigala jadian yang tidak berasal dari Nusantara sama ada dari Indonesia ataupun dari Malaysia. Mitos serigala jadian lebih dikenali di Barat kerana serigala wujud di negara-negara Barat. Akan tetapi, serigala tidak wujud di Indonesia mahupun Malaysia. Oleh itu, penulis cuba merungkai kewajaran Ramlee Awang Murshid mewujudkan serigala jadian sebagai entiti yang wujud di Nusantara.

Data 19

“Di sempadan antara Medan dan Aceh... terdapat sebuah perkampungan yang dipanggil Manggala, iaitu gelaran kepada manusia serigala. Tidak ramai yang *tau* tentang kewujudan kampung itu kerna sesiapa pun yang terjebak ke sana, pasti *nggak* akan kembali lagi.” Pak Mustakim bercerita.

“Jadi... dongengan itu benar?”

Saliha masih mahu mendapatkan kepastian.

“Pernahkah *babe* berbohong sama Saliha?”

(*Cinta Sang Ratu*, hlm. 150)

Berdasarkan dialog pada data 20, Pak Mustakim menceritakan kisah dongeng mengenai sebuah kampung terpencil yang terletak di Sumatera Utara dan bersempadan di antara Medan dengan Aceh kepada Saliha. Perkampungan itu dikenali sebagai Manggala yang membawa singkatan untuk Manusia Serigala. Menurut cerita Pak Mustakim, penduduk kampung Manggala disebutkan sebagai masyarakat yang disumpah menjadi serigala jadian. Kisah berkenaan kampung Manggala amat terpencil daripada dunia dan dalam kalangan masyarakat di Indonesia. Oleh itu, tidak ramai yang tahu tentang kisah dongeng Manggala ini. Bahkan, Saliha sendiri mempersoalkan kebenaran dongeng Manggala yang pertama kali didengarinya daripada Pak Mustakim. Unsur keraguan munasabah ditimbulkan oleh Saliha berkenaan kewujudan kampung Manggala yang belum pernah diketahui sebelum ini. Hal ini demikian kerana, sejarah kehidupan masyarakat kampung Manggala sukar difahami serta diterima akal yang rasional. Tambahan pula, mereka hidup pada zaman moden, iaitu pada abad ke-21. Oleh itu, kepercayaan terhadap cerita-cerita mitos dilihat sebagai tidak logik untuk diterima masyarakat zaman moden.

Dalam novel *Cinta Sang Ratu*, Ramlee Awang Murshid menggambarkan lokasi kampung Manggala terletak di Sumatera Utara dan bersempadan di antara Aceh dengan Medan. Namun begitu, daerah Manggala sebenarnya wujud di dunia nyata dan terletak di Sulawesi Selatan. Penulis berpandangan bahawa Ramlee Awang Murshid mengaplikasikan kaedah penulisan yang mirip dengan konsep *panopticon* yang telah diperkenalkan oleh Foucault (1975). Konsep *panopticon* membolehkan pengarang mempunyai autoriti dalam membentuk satu sisi sosial dan budaya baharu sebagai satu persona dalam pengarang teks sastra. S. M. Zakir (2014) menyokong pendapat Foucault bahawa konsep ini membantu pengarang mengembangkan idea dalam teks sastra melalui pengaturan aspek politik, ekonomi dan sosial dengan kekreatifan sendiri. Pengarang bebas untuk meninjau dunia dalam imaginasi mereka sendiri lalu

mencipta plot penceritaan yang unik, sesuai dengan aturan tersendiri tanpa terikat oleh keterbatasan dunia nyata. Kesimpulannya, petikan dialog di data 24 memenuhi keperluan penulis untuk membuktikan adanya unsur budaya masyarakat melalui kepercayaan Pak Mustakim tentang kewujudan kampung Manggala.

Data 20

“Dari mana Haryani mempelajari seni mempertahankan diri?”

Amnah hairan kerana setahunnya Haryani tidak pernah belajar bersilat atau sebagainya.

“Sunan, ma. Haryani melihat gerak silat Laksamana Sunan, mama,” gumam Haryani.

(Cinta Sang Ratu, hlm. 15)

Seterusnya, data 21 memaparkan perbualan di antara Haryani dan ibunya, Amnah yang berasa hairan melihat kelincahan Haryani menumbangkan peragut dengan seni persilatan. Sewaktu Haryani dan Amnah berjalan-jalan di Jalan Masjid India, mereka terserempak dengan wanita yang telah diragut dan memohon pertolongan mereka. Tanpa membuang masa, Haryani dengan tangkas menumpaskan peragut tersebut dengan mudah. Selaku ibu kepada Haryani, Amnah yakin bahawa Haryani tidak pernah mempelajari silat sepanjang hidupnya, namun gerakan silat yang ditonjolkan seolah-olah Haryani telah lama berkecimpung dalam seni persilatan. Haryani menjelaskan kepada ibunya bahawa beliau mempelajari silat hasil daripada penelitian gerakan yang dilakukan oleh Laksamana Sunan. Melalui petikan dialog ini, Ramlee Awang Murshid cuba menghubungkan budaya masyarakat Sumatera Utara dan Tanah Melayu dalam seni mempertahankan diri melalui ilmu persilatan.

Dalam novel ini, watak Haryani dihuraikan sebagai berasal dari Tanah Melayu, manakala Laksamana Sunan berasal dari Aceh. Meskipun kedua-dua negara ini berbeza, namun kedua-duanya masih berkongsi budaya yang sama. Menurut Muhammad Hasnimizan dan Muammar Ghaddafi (2019), ilmu persilatan merupakan seni mempertahankan diri yang berpusat di Kepulauan Melayu, iaitu di Indonesia, Malaysia, Brunei serta Singapura. Ilmu persuratan merupakan budaya yang

diwarisi dari zaman berzaman secara gilang-gemilang. Masyarakat di Malaysia masih mempraktikkan ilmu persilatan menerusi inisiatif yang digerakkan oleh organisasi persendirian untuk mengadakan kelas latihan silat. Di samping itu, terdapat sekolah di Malaysia yang menaungi kelab silat sebagai salah sebuah kelab kokurikulum yang boleh dipelajari oleh pelajar secara pembelajaran formal. Kesimpulannya, budaya silat bukan hanya dipelajari dan dipraktikkan oleh masyarakat di Indonesia, tetapi turut dipelajari oleh masyarakat Malaysia sebagai seni mempertahankan diri.

Data 21

“Siapa *sih* Laksamana Sunan itu?” Kali ini Saliha pula yang meminta penjelasan.

“Tak pernah dengar nama... Laksamana Sunan? Dia pahlawan Aceh.” Dani mengerutkan wajah. Saliha dan Pak Mustakim hampir serentak menggeleng.

“Kenapa sejarah Aceh dan Tanah Melayu tak mencatatkan mengenai Laksamana Sunan?” Soalan berbentuk bisikan itu sekadar mengunikaikan kebejatan fikirannya.

“Kalau Wali Songo... ya ada tapi bukan di Aceh... di Jawa,” sahut Pak Mustakim.

(Cinta Sang Ratu, hlm. 424)

Kenyataan di atas memaparkan dialog antara Saliha, Dani dan Pak Mustakim mengenai identiti Laksamana Sunan. Laksamana Sunan tidak dikenali secara meluas oleh masyarakat di Aceh berdasarkan reaksi yang diberikan oleh Pak Mustakim dan Saliha. Mereka tidak mengenali Laksamana Sunan sebagai pahlawan Aceh yang tinggi ilmu agama dan mahir dalam ilmu persilatan. Catatan sejarah Tanah Melayu dan Aceh tidak mendokumentasikan sebarang maklumat mengenai Laksamana Sunan sebagai pahlawan terkenal sehingga masyarakat sendiri tidak mengenali beliau. Hakikat ini menyebabkan Dani sedikit sebal dan keliru mengenai apa yang berlaku. Tambahan pula, Pak Mustakim menyatakan bahawa tokoh yang terkenal di Tanah Jawa dengan ilmu persilatan dan agama Islam ialah Wali Songo. Selain itu, tiada tokoh lain yang mereka kenali.

Laksamana Sunan merupakan watak fiksi yang diciptakan oleh Ramlee Awang Murshid sebagai watak utama dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Penulis mendapati ‘Sunan’ merupakan nama gelaran bagi Wali Songo yang merupakan pendakwah berasal dari Tanah Jawa. Sewaktu tempoh penyebaran dakwah di Indonesia, Wali Songo mendirikan pusat ibadat seperti masjid dan madrasah yang berfungsi sebagai tempat menuntut ilmu dan pusat perkembangan kebudayaan Islam (Dewi, 2014). Dengan itu, inisiatif Ramlee Awang Murshid menggunakan nama ‘Sunan’ sebagai gelaran watak Saifudin dalam novel *Cinta Sang Ratu* bertepatan dengan sifat Laksamana Sunan itu sendiri yang menyebarkan dakwah serata tanah Aceh. Kesimpulannya, banyak hikmah yang dapat diperoleh oleh pembaca, terutamanya dari sudut perjuangan dalam strategi penyebaran dakwah Islam demi kepentingan agama dan moral masyarakat.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Prinsip *The Irreducible Elements* Daripada Teori Realisme Magis Oleh Wendy B. Faris Yang Terdapat Dalam Novel *Cinta Sang Ratu* Karya Ramlee Awang Murshid

Bagi prinsip elemen yang tidak dapat dijelaskan (*the irreducible elements*) yang ditemukan dalam dapatan, penulis berjaya mengumpulkan enam data untuk dianalisis di bawah prinsip tersebut. Penulis mendapati prinsip ini merujuk sesuatu perkara yang tidak dapat dijangkau dengan logik akal serta tidak dapat dibuktikan dengan teknologi saintifik. Unsur luar biasa dalam plot cerita dapat dikenal pasti secara jelas melalui watak dalam novel. Watak Laksamana Sunan, Maharani dan Bahadur dikesan mempunyai ciri-ciri luar biasa yang tidak ada pada manusia normal pada umumnya. Selain itu, elemen yang tidak dapat dijelaskan turut dikaitkan dengan kepercayaan dan pegangan watak terhadap tuhan dan perkara-perkara ghaib. Pendapat ini disokong oleh Rahimah Haji A. Hamid (2017) yang menegaskan bahawa sebarang elemen yang tidak dapat dikesan oleh pancaindera manusia, tetapi dipercayai dan dijadikan pegangan peribadi individu dan masyarakat juga boleh dikategorikan sebagai elemen yang tidak dapat dijelaskan.

Hasil dapatan kajian ini mengukuhkan dapatan kajian Eizah et al. (2022) bahawa prinsip elemen yang tidak dapat dijelaskan tidak hanya

berlaku pada objek yang dianggap magis kerana mempunyai ciri-ciri luar biasa, tetapi juga melibatkan kepercayaan masyarakat terhadap entiti ghaib yang dijadikan pegangan hidup seperti agama. Selain itu, Fatimatus dan Eggy (2020) turut menyandarkan fahaman agama, iaitu sisi penting untuk mengekspresikan keyakinan dan menguatkan spiritual sebagai satu elemen yang tidak dapat dijelaskan. Perkara ini dibuktikan melalui dapatan dialog masyarakat Desa Tanjung yang amat menjaga kualiti agama dengan membanteras individu yang menganuti fahaman Syiah. Masyarakat Desa Tanjung menyeru para pengikut Syiah supaya bertaubat dan kembali ke jalan Islam yang sebenar.

Prinsip *Merging Realms* Daripada Teori Realisme Magis Oleh Wendy B. Faris Yang Terdapat Dalam Novel *Cinta Sang Ratu* Karya Ramlee Awang Murshid

Perbincangan selanjutnya adalah berdasarkan prinsip alam bergabung (*merging realms*). Terdapat tiga kategori penggabungan alam yang berjaya dikumpulkan dan dipersembahkan pada bahagian hasil dapatan kajian. Kategori pertama dapatan kajian ialah tindakan Maharani menjalankan ritual pemujaan Taghut. Penulis mendapati ritual pemujaan Taghut melibatkan gabungan dua alam berbeza, iaitu dari sudut penyediaan bahan ritual dari alam nyata dan pemujaan Taghut yang melibatkan alam ghaib. Selain Maharani, pengkaji mendapati watak Bahadur juga terlibat dengan aktiviti pemujaan yang serupa melalui pencarian 100 orang perawan suci untuk dijadikan korban baka awal Manggala. Dapatan kajian Eizah et al. (2022) memaparkan persamaan gabungan alam melalui penyempurnaan ritual sihir yang dilakukan oleh pawang dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir*. Posisi pawang yang terdapat dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir* didapati hampir sama dengan posisi Maharani, iaitu sebagai pengantara di antara dua alam yang berbeza, yakni alam nyata dan alam ghaib.

Persamaan bagi kategori dapatan ini boleh dikaitkan dengan kajian daripada kategori kedua, iaitu selain penggabungan alam nyata dan alam ghaib, penulis mendapati Ramlee Awang Murshid turut menyelitkan gabungan alam ikan dan alam nyata melalui watak Ergi yang disumpah menjadi duyung. Dapatan untuk kategori ini menepati kajian Asmiaty dan Roziah (2021) yang memaparkan penggabungan dunia nyata dan dunia serangga bagi menunjukkan dunia berlainan

daripada dunia manusia dan dunia haiwan. Daripada kajian ini, Ergi dapat dianggap sebagai ikan kerana tinggal di lautan. Seterusnya, kategori ketiga pula merupakan gabungan alam yang mempunyai ketetapan masa yang berbeza. Contoh yang dikemukakan oleh penulis ialah Haryani yang berasal dari abad ke-21 bertemu dengan Laksamana Sunan dari penghujung kurun ke-15 untuk menuntut ilmu silat. Pengkaji mendapati dapatan kajian Emi (2020) memaparkan watak Henry yang terlibat dalam fenomena merentas masa. Kewujudan Henry di *Field Museum* sebagai perentas masa ialah perkara magis dan *Field Museum* itu sendiri ialah alam nyata. Oleh itu, penulis dapat merumuskan dunia penghujung kurun ke-15 merupakan alam nyata dan Haryani sebagai satu komposisi magis yang merentas ke zaman tersebut.

Prinsip *Disruption Of Time, Space And Identity* Daripada Teori Realisme Magis Oleh Wendy B. Faris Yang Terdapat Dalam Novel *Cinta Sang Ratu* Karya Ramlee Awang Murshid

Seterusnya, untuk bahagian akhir dapatan objektif pertama, penulis menghimpunkan data selaras dengan prinsip gangguan waktu, ruang dan identiti (*disruption of time, space and identity*). Sebanyak lapan data berjaya dikumpulkan bagi mewakili prinsip ketiga ini. Penulis mendapati gangguan waktu melibatkan waktu yang ditetapkan untuk menjalankan ritual pemujaan dengan unsur magis. Dapatan memperlihatkan kronologi waktu melibatkan tempoh masa manusia di Manggala bertukar menjadi serigala jadian dan upacara membangkitkan baka awal Manggala yang ditetapkan pada malam bulan mengambang. Bulan mengambang sering disebutkan sebagai waktu puncak bagi menjalankan upacara sihir yang melibatkan alam ghaib serta kuasa mistik berdasarkan kepercayaan masyarakat daripada pelbagai latar budaya (Syaimak & Muhammad Saiful, 2020). Kronologi ini bersifat universal dan mudah difahami oleh pelbagai lapisan dan latar belakang masyarakat.

Penulis mengesan percanggahan daripada dapatan Sa'adatil et al. (2021) yang berlainan bagi gangguan masa. Watak Gaiman dalam novel *The Ocean at The End of The Lane* mempersoalkan Lettie yang berumur sebelas tahun dalam tempoh masa lama dan tiada perubahan fizikal berlaku pada dirinya. Sa'adatil et al. (2021) menegaskan bahawa pembentukan gangguan masa ini boleh dihubungkan dengan prinsip elemen yang tidak boleh dijelaskan. Maka dengan itu, pengkaji

mendapati dapatan kajian yang mempunyai persamaan bagi dapatan tersebut ialah keadaan fizikal Bahadur yang berumur seratus tahun tetapi mempunyai keadaan fizikal lelaki muda yang gagah dan kekar. Penulis menempatkan data ini pada bahagian prinsip elemen yang tidak dapat dijelaskan.

Di samping itu, bagi data terkumpul penulis mendapati terdapat dua jenis gangguan ruang yang berjaya dikenal pasti dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Gangguan ruang yang berlaku bergantung pada watak yang mengalami gangguan itu sendiri, sama ada gangguan itu dalam kawalan atau di luar kawalan watak. Antara contoh gangguan yang tidak dapat dikawal ialah gangguan pada ruang mimpi. Mimpi Saliha yang menunjukkan dimensi baharu dan individu yang hidup pada ruang baharu dalam mimpi tersebut mempunyai sifat berbeza daripada di dunia nyata. Penulis mendapati dapatan ini dapat disokong oleh dapatan kajian Sara (2020) daripada novel *Daerah Zeni*, di mana dapatan menunjukkan watak Zedi mengalami mimpi beliau berada di pantai serta berlari di atas bukit dan perkara ini meletakkan diri beliau dalam ruang statik yang mengganggu fikirannya. Persamaan watak Zedi dan Saleha ialah watak-watak ini tidak mampu mengawal ruang mimpi yang dialami. Selanjutnya, gangguan ruang yang boleh dikawal berlaku terhadap Maharani di mana beliau dapat mengubah dimensi di sekitarnya dengan bantuan kuasa ghaib. Sebagai contoh, Maharani dapat mengubah pandangannya seperti pandangan seekor burung.

Akhir sekali, gangguan identiti juga dikategorikan sebagai gangguan yang dapat dikawal dan tidak dapat dikawal. Penulis memberi contoh gangguan identiti yang berlaku ke atas Dani dan Ananta. Gangguan identiti yang dialami oleh Dani berlaku di luar kawalan dan beliau memperoleh identiti baharu sebagai Senggara kerana disihir oleh Maharani. Manakala Ananta memilih untuk mengubah sifat dan identitinya sendiri dan menggelar dirinya sebagai Maharani. Penulis mendapati terdapat perbezaan bagi watak Ananta dengan watak Pacal Tua daripada novel *Hikayat Tanah Jauh*, iaitu kajian daripada Tuan Rusmawati dan Mawar (2023). Watak Pacal Tua digambarkan sebagai mengalami perubahan selari dengan peredaran zaman, iaitu dari zaman pemerintahan beraja sebagai penglipur lara kepada individu baharu pada peralihan zaman politik. Perubahan ini juga merupakan pilihan watak Pacal Tua, begitu juga watak Ananta yang memilih untuk berubah menjadi Maharani atas pilihannya sendiri.

Unsur Kebudayaan Tradisional Dan Adat Resam Masyarakat Melayu Nusantara Menerusi Prinsip *Unsettling Doubts* Yang Terdapat Dalam Novel *Cinta Sang Ratu*

Pada bahagian kedua dapatan kajian, penulis menguji prinsip elemen yang diragui (*unsettling doubts*) untuk menganalisis unsur budaya dan adat resam masyarakat Melayu Nusantara yang berjaya dikumpulkan daripada novel *Cinta Sang Ratu*. Penulis juga membuktikan persoalan mengenai kesahihan elemen budaya yang terdapat dalam novel dan analisis dijalankan menggunakan prinsip elemen yang diragui. Hasil dapatan kajian menunjukkan Ramlee Awang Murshid (2007) memasukkan Jenglot dan seni silat dalam plot penceritaan. Jenglot dan silat merupakan budaya yang dikenali di serata Indonesia dan Malaysia. Jenglot digunakan dalam ritual pemujaan yang melibatkan sihir dan dipelopori oleh negara Indonesia. Watak Jamin dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir* yang menceritakan ciri-ciri individu yang dijangkiti sihir adalah sebahagian daripada dapatan Eizah et al. (2022). Ciri-ciri yang dikemukakan bertepatan dengan simptom individu di dunia nyata yang terkena santau. Maka, terdapat persamaan antara ciri santau ini dan kewujudan Jenglot, iaitu cirinya wujud di alam nyata.

Di samping itu, pada dapatan prinsip elemen diragui, penulis memaparkan beberapa contoh data di mana wujud keraguan yang ditimbulkan oleh watak Saliha mengenai kewujudan perkampungan Manggala dan manusia serigala. Emi (2020), melalui dapatan kajiannya, mengemukakan keraguan yang ditimbulkan oleh watak dalam novel akan mempengaruhi kepercayaan pembaca mengenai kewujudan fakta yang dikemukakan. Aspek magis berlaku apabila pembaca tidak dapat membuktikan kebenaran mengenai kewujudan fakta dalam plot cerita. Watak Henry dalam novel *The Time Traveler's Wife* karya Audrey Niffenegger menimbulkan persoalan terhadap pembaca sama ada kebolehan merentas masa merupakan sesuatu perkara magis atau penyakit. Hal ini demikian kerana beliau mendakwa dirinya mempunyai penyakit genetik dikenali sebagai '*chrono-impairment*' yang membuatkan dirinya mampu merentasi masa.

Seterusnya, penulis mendapati Ramlee Awang Murshid mencipta persona baharu menerusi gambaran lokasi dan kejadian yang berlaku dalam novel dengan mengambil inspirasi daripada dunia nyata. Penggunaan teknik ini mirip konsep *panopticon* yang dipelopori oleh Foucault (1975). Konsep ini membantu pengarang mendapatkan

perlindungan hak cipta terhadap karya fiksi yang dihasilkan. Teknik ini juga memberi kebebasan kepada pengarang untuk mengendalikan dunia yang diciptakan sepenuhnya dengan melakukan penggantian konteks dari dunia nyata dengan tujuan melindungi kajian tersebut daripada penyalahgunaan fakta. Di samping itu, pengarang juga dapat mengelakkan persepsi negatif dengan mewujudkan lokasi atau latar tempat yang tidak nyata. Perkara ini amat penting untuk memberikan kebebasan mengembangkan idea kepada pengarang dan membolehkannya menetapkan persepsi berunsurkan fantasi kepada khalayak pembaca.

Pengarang mudah mengatur plot dan memenuhi naratif yang bersesuaian berdasarkan ciri-ciri entiti yang ingin ditumpukan. Sebagai contoh, mereka tidak perlu bergantung pada geografi yang tepat seperti di dunia nyata seperti yang diolah oleh Ramlee Awang Murshid (2007), di mana kampung Manggala yang asalnya di Sulawesi Selatan, ditempatkan di Sumatera Utara mengikut kesesuaian jalan cerita. Selain geografi, penulis juga dapat menciptakan budaya yang memenuhi kehendak plot cerita dengan mengadaptasi budaya masyarakat lain dan membentuk tema yang lebih memberi impak terhadap pembaca. Akhir sekali, konsep ini juga memberi idea kepada pengarang untuk menyelami konsep yang tidak dapat direalisasikan di dunia nyata.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menepati kehendak objektif utama, iaitu mengenal pasti tiga prinsip realisme magis serta aspek budaya dan adat resam masyarakat Melayu Nusantara dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Kajian berjaya memperoleh data yang dapat menyokong teori realisme magis. Perbincangan dapatan kajian menguatkan hujah dan membandingkan perbezaan dapatan yang berjaya dikumpulkan dengan dapatan daripada kajian lepas. Penulis menyimpulkan Ramlee Awang Murshid (2007) berjaya menghadirkan unsur magis dalam novel *Cinta Sang Ratu* melalui prinsip elemen yang tidak dapat dipastikan (*the irreducible elements*), prinsip alam bergabung (*merging realms*) dan prinsip gangguan waktu, ruang dan identiti (*disruption of time, space and identity*).

Kajian ini memfokuskan perbincangan terhadap ketiga-tiga prinsip ini secara holistik dan bertumpu bagi memenuhi gagasan realisme

magis. Ramlee Awang Murshid didapati menyelitkan unsur budaya magis yang diragui lalu diterjemahkan kesahihannya melalui prinsip elemen yang diragui (*unsettling doubts*). Prinsip ini sesuai untuk memahamkan pembaca novel *Cinta Sang Ratu* tentang sisi budaya dan adat resam masyarakat Nusantara, khususnya di Malaysia dan di Indonesia. Akhir sekali, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi manfaat terhadap setiap lapisan masyarakat untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai teori realisme magis.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Kajian ini tidak dibiayai daripada mana-mana geran penyelidikan.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengenalan: Zaidatul Syafiaa, Julaina Nopiah
Sorotan kajian lepas: Zaidatul Syafiaa, Encik Ismail, Julaina Nopiah
Metodologi: En Ismail, Julaina, Zaidatul Syafiaa
Analisis: Zaidatul Syafiaa, Encik Ismail, Julaina Nopiah
Dapatan: Zaidatul Syafia, Encik Ismail, Julaina Nopiah
Kesimpulan: Julaina Nopiah, Zaidatul Syafiaa
Rujukan: Zaidatul Syafiaa, Julaina Nopiah, Encik Ismail

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis melaporkan bahawa tiada konflik kepentingan untuk kajian ini dan mengisytiharkan bahawa tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Ahmad Rhoziqin & Budi Tri Santosa. (2020). Unsur realisme magis dalam cerpen *In The Dark*. *Prosiding Seminar Nasional Unimus*, 3, 247-254.
- Asmiaty Amat & Roziyah Adama. (2021). Dunia hampir bergabung dalam kumpulan cerpen *Laron* oleh Jasni Matlani: Satu bacaan realisme magis. *Akademika*, 91(1), 15-23.
- Azhar Hj. Wahid & Abdul Ghani Hj. Abu. (2015). Membina kritikan sastra Melayu dalam jalur pascamodenisme. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 3, 34-46.
- Cowell, D. (2024). Accentuating stylistic features in the narrative technique of Hikayat Gul Bakawali. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3(1), 47–69. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.3>
- Dewi Evi Anita. (2014). WaliSongo: Mengislamkan tanah Jawa. *Wahana Akademika*, 1(2), 243-266.
- Douglas, A. (1992). *The beast within: A history of the werewolf*. Chapmans.
- Eizah Mat Hussain, Siti Nur Anis Muhammad Apandi & Nurhasyimah Saidin. (2022). Aspek realisme magis dalam novel *Cebisan Mantera Terakhir*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(2), 27-43.
- Emi Esmida. (2020). Magical realism in Audrey Niffenegger's *The Time Traveler's Wife*. *Eralingua: Jurnal Pendidikan Bahasa Asing dan Sastra*, 4, 39-53.
- Fatimatus Zhahroh & Eggy Fajar Andalas. (2020). Realisme magis novel *Rumah Jadah* karya Royyan Julian. *Bahtera: Jurnal Pendidikan, Bahasa Sastra*, 7(2), 1024-1038.
- Faris, W. B. (2004). *Ordinary enchantments: Magical realism and the remystification of narrative*. Vanderbilt University Press.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Mohd Ali & Madiawati binti Mamat@Mustaffa. (2018). Individualisme Faisal Tehrani dalam kepengarangan berdasarkan novel-novel terpilih. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 6, 31-60.
- Firman Panjaitan (2005). Spiritualitas mistik sebagai jalan kesadaran: Tawaran untuk membangun teologi mistik Protestan. *Studia Philosophica et Theologica*, 5(1), 99– 117.
- Firman Panjaitan. (2022). Teologi Mistik Kontekstual sebagai teologi sosial: Perbandingan pengalaman mistik Paulus dengan Bima. *Tumou Tou Jurnal Ilmiah*, 9(2), 84-98.

- Foucault, M. (1975). *Surveiller et punir: Naissance de la prison* [Discipline and Punish: The Birth of the Prison]. Gallimard. (English translation by Alan Sheridan, 1977, Pantheon Books)
- Hani Salwah Yaakup. (2021). Pembauran budaya luar dalam kerangka kepercayaan Melayu menerusi filem bergenre seram. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 20-29.
- Jin Beng & Jeslyn Sharnita Amarasekera. (2025). The formation of a Malay child's identity through adat, akhlak, and budi: A psychogeographical reading of Lat's *Kampung Boy* (1979). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 25(1), 285–303. <https://doi.org/10.17576/gema-2025-2501-16>
- Mana Sikana. (1983). Teori semiotik: Tanda bahasa dan wacana sastra. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 355-361.
- Maryam Nabilah & Nurul Jamilah, (2020). Analisis deiksis dalam novel 9 *Nyawa*: Satu analisis pragmatik. *International Young Scholars Journal of Languages*, 2, 18-23.
- Milya Sari & Asmendri. (2020). Penelitian kepustakaan (library research) dalam penelitian pendidikan IPA. *Jurnal Penelitian Bidang IPA dan Pendidikan IPA*, 6(1), 41-53.
- Mohd Manawi Mohd Akib. (2012). Penghuni syurga menurut pandangan Fakhir Al-Din Al-Razi: Tumpuan terhadap kitab *Mafatih Al-Ghayb*. *Jurnal Usuluddin*, 35, 25-46.
- Mohd Nizam Sahad & Shuhairimi Abdullah. (2013). Santau dan masyarakat Melayu: Analisis dari perspektif akidah Islam. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(2), 224-242.
- Muhammad Hasnimizan Ishak & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2019). Seni bela diri Melayu dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi. *Akademika* 89, 69-79.
- Nasron Sira Rahim. (2015, Jun 5). Siri Misteri: USM rungkai misteri Jenglot. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/59256/siri-misteri-usm-rungkai-misteri-jenglot>
- Noridayu Bakry, Jeffrey Abdullah, & Mokhtar Saidin. (2017) Alat kapak genggam Asia Tenggara: Isu dan perdebatan. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 30(1), 67-77.
- Onok Yayang Pamungkas, Silmi Zulaikha & Diah Ana Khusnul Khotimah. (2022). Realisme magis dalam novel *Sang Nyai 3* karya Budi Sardjono. *Kawruh: Journal of Language Education, Literature, and Local Culture*, 4(2), 69-75.
- Rasyad Afif Ibrahim, Muhd Najib Abdul Kadir, Muhd Najib, & Haziyah Hussin. (2017). Pengkonsepsian makna Taghut dari perspektif al-Quran. *Jurnal AL-ANWAR*, 1(3), 81-102.

- Ramlee Awang Murshid. (2007). *Cinta Sang Ratu*. Alaf 21.
- Rahimah Haji A. Hamid. (2017). Teori realisme magis dalam bacaan Jogosimi. Dalam Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (ed.), *Teori dan kaedah aplikasi dalam karya*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Richard Peter Bailey. (2024). Silat warriors as Malay cultural heroes. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 31(1), 127–147. <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.1.7>
- S.M. Zakir. (2014). Karya dan kekuasaan pengarang: Pemikiran dan gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan. *Jurnal Melayu*, 12(1), 70-81.
- Sa'adatil Hasanah, Singgih Daru Kuncara dan Anjar Dwi Astuti (2021). Magical realism in Neil Gaiman's *The Ocean at the End of the Lane*. *Jurnal Bahasa, Sastra, Seni dan Budaya*, 5(2), 404-420.
- Sara Beden. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 36-56.
- Sara Beden. (2020). Aliran realisme magis dalam novel *Daerah Zeni*, A. Samad Said. *PANGSURA Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastra Asia Tenggara*, 23, 99-128.
- Syaimak Ismail & Muhammad Saiful Islam. (2020). Unsur-unsur mistik dan pemujaan dalam kalangan masyarakat Melayu di Pulau Besar, negeri Melaka. *Jurnal Melayu*, 19(2), 254-269.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2001). *Risalah untuk kaum Muslimin*. Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan & Mawar Safei. (2023). *Hikayat Tanah Jauh* dari perspektif realisme magis. *PENDETA*, 14(1), 25-34.
- Waemasna Waeyusoh, & Yusniza Yaakub. (2023). Konotatif, afektif dan reflektif memanifestasi kebijakan akal budi Melayu Patani. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 155–176. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.7>